

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [LUMUT]**
TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menarik minat warganegara tempatan untuk terlibat khususnya dalam industri perikanan. Apakah jenis insentif yang akan disediakan untuk menjayakan program ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menarik minat warganegara tempatan untuk terlibat khususnya dalam industri perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- i. Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang berlandaskan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada semua generasi muda berumur di antara 18 hingga 25 tahun yang berkelayakan. Pelatih diberi wang saku bulanan sebanyak RM200 bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan RM250 bagi Diploma Kemahiran Malaysia (DKM);

SOALAN NO: 16

- ii. Program Sijil Kemahiran/Diploma Kemahiran Malaysia (Perikanan Tangkapan/Akuakultur). Program ini menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk bidang perikanan tangkapan dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) untuk bidang akuakultur;
- iii. Program Sijil Perikanan. Program ini dikhususkan kepada belia lepasan SPM yang berumur 18 hingga 40 tahun. Program selama 2 tahun ini menggabungkan tiga bidang utama dalam perikanan iaitu bidang perikanan tangkapan, bidang akuakultur dan bidang pemprosesan produk perikanan.;
- iv. Kursus/Latihan *Upskilling* (Latihan Jangka Pendek) kepada kumpulan sasar bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berdasarkan bidang pengkhususan masing-masing; dan
- v. Latihan Kerja *On-the-job training* selama satu hingga enam bulan dalam kalangan syarikat bertujuan memenuhi permintaan dalam peluang pekerjaan bagi meningkatkan peluang kemahiran kepada perantis dalam bidang pertanian dan industri Agromakanan termasuk bidang perikanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, MAFI turut menyediakan insentif-insentif seperti berikut:

- i. Skim Subsidi Petrol dan Diesel bagi menampung sebahagian dari kos operasi penangkapan ikan nelayan akibat dari kenaikan harga bahan api di pasaran;
- ii. Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) untuk meringankan beban nelayan dalam menghadapi tekanan ekonomi disebabkan kenaikan kos sara hidup. ESHN dinaikkan kepada kadar RM300 sebulan bagi pemilik vesel zon A dan pekerja zon B, C dan C2;

SOALAN NO: 16

- iii. Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI) pada kadar RM0.10 sekilogram diberikan kepada pemilik vesel berlesen Zon A (Petrol), Zon B dan Zon C yang membuat pengisytiharan pendaratan ikan di Pusat Pengisytiharan;
- iv. Program Dana Nelayan menyediakan pinjaman mudah bagi pembelian bot dan peralatan baharu atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada;
- v. Program Pembangunan Pelan Peningkatan Pendapatan Golongan B40: Nelayan Melalui Projek Tanaman Kontan melibatkan insentif *in-kind* yang diberikan kepada peserta dalam bentuk input pertanian, tenaga kerja, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elemen pemasaran hasil pertanian; dan
- vi. Program Azam Tani (Rezeki Tani) memberi bantuan penyediaan premis dan infrastruktur, bantuan peralatan, benih-benih ternakan dan tanaman bagi melaksanakan projek. Jumlah bantuan yang diberikan ialah RM10,000 bagi setiap peserta.
- vii. Program Pembangunan Kumpulan Nelayan adalah program yang memberikan bantuan dari segi modal, peralatan dan khidmat nasihat bagi merealisasikan aktiviti yang dijalankan sebagai satu perniagaan yang berdaya saing dan menggunakan teknologi moden. Bagi tahun 2021, sejumlah RM200,000.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini dan sehingga kini terdapat 66 buah Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) dengan keahlian 4,220 orang dan 18 buah Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) dengan bilangan ahli seramai 589 orang.

Sekian, terima kasih.